

Terma Dan Syarat Ini Mengawalselia Penggunaan Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC Oleh Pelanggan

1A. Definisi

"**Peranti Akses**" bermaksud setiap peranti elektronik berkomputer yang membolehkan Pelanggan mengakses dan menggunakan Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC, termasuk tetapi tidak terhad kepada komputer peribadi, komputer nota, komputer riba, pembantu peribadi digital atau telefon bimbit yang mempunyai GPRS atau 3G atau EDGE.

"**ATM**" bermaksud Mesin Juruwang Automatik.

"**Hari Perniagaan**" bermaksud hari (kecuali Sabtu, Ahad dan cuti umum) yang mana OCBC Bank dibuka untuk urusan perniagaan di Kuala Lumpur, Malaysia.

"**Kad**" bermaksud sebarang instrumen bayaran yang diterbitkan oleh OCBC kepada Pelanggan dan ia termasuk:

Kad ATM yang boleh digunakan untuk mengeluarkan wang tunai atau untuk transaksi lain di mana-mana ATM atau Terminal atau sebagainya, tertakluk kepada terma dan syarat yang berkenaan;

Kad Debit yang boleh digunakan sebagai Kad ATM atau untuk membayar pembelian barangan atau perkhidmatan di mana-mana saudagar yang mengambil bahagian dengan cara mendebit terus wang di dalam akaun Pelanggan, tertakluk kepada terma dan syarat berkenaan;

Kad Kredit yang didatangkan dengan kemudahan kredit tanpa cagar yang boleh digunakan untuk membayar pembelian barangan atau perkhidmatan di mana-mana saudagar yang mengambil bahagian dengan syarat semua amaun yang ditanggung dijelaskan sepenuhnya pada tarikh yang dinyatakan, jika tidak caj kewangan perlu dibayar; atau Kad Kredit boleh digunakan untuk mendapatkan pendahuluan tunai dengan kadar faedah tertentu, tertakluk kepada terma dan syarat berkenaan,

atau mana-mana kad kombo dengan ciri-ciri gabungan, kad akses, dan sebarang token kredit, sama ada kad atau token tersebut berupa kad plastik atau kad eprom atau kad dengan cip atau kad memori optik atau sebarang jenis kad atau token lain.

"**Sistem Komputer**" dan "**sistem**" bermaksud setiap perkakasan atau perisian komputer atau peralatan yang dikendalikan atau proses yang dilakukan sepenuhnya atau sebahagiannya secara elektronik dan ia termasuk sistem dan operasi automatik sistem telekomunikasi sistem teknologi maklumat.

"**Pelanggan**" bermaksud pelanggan OCBC yang telah membuka dan mengekalkan satu atau lebih akaun dengan OCBC, termasuk pelanggan yang telah diterima oleh OCBC untuk mengakses dan menggunakan Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC.

"**Arahan**" bermaksud setiap arahan, komunikasi, perintah kepada OCBC, menggunakan cara elektronik atau mana-mana bentuk lain yang diluluskan oleh OCBC, mengenai akaun tertentu Pelanggan dan/atau yang berkaitan dengan transaksi dan/atau perkhidmatan yang disediakan melalui Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC di mana Arahan itu dimulakan dan diterbitkan melalui penggunaan ID Log Masuk Pengguna, Kata Laluan Log Masuk, dan Kod Keselamatan Pelanggan yang dihantar kepada Token Keselamatan atau Telefon Bimbit Pelanggan, sama ada dengan atau tanpa kebenaran Pelanggan. Untuk tujuan mentafsirkan klausa dari Terma dan Syarat ini yang merujuk pada liabiliti dan/atau tanggungjawab OCBC dan/atau Pelanggan, Arahan juga harus bermaksud transaksi dan/atau perkhidmatan yang berkaitan dengan terbitan Arahan tersebut.

"**Internet**" bermaksud mana-mana rangkaian komputer global, telekomunikasi dan perisian yang memudahkan komunikasi, elektronik atau yang lain, di antara orang dan mesin.

"**Penyedia Perkhidmatan Internet**" bermaksud mana-mana Penyedia Akses Internet (ISP) dan/atau pihak lain yang menyediakan akses internet kepada Pelanggan.

"**Telefon Bimbit**" bermaksud telefon bimbit yang digunakan oleh Pelanggan untuk menerima Kod Keselamatan melalui SMS. Nombor telefon bimbit itu mestilah didaftarkan dengan OCBC lebih dahulu.

"**OCBC**" bermaksud Bank OCBC (Malaysia) Berhad atau Bank OCBC Al-Amin Berhad (yang mana berkenaan) dan seharusnya merangkumi pengganti dan penerima haknya.

"**Kumpulan OCBC**" bermaksud OCBC dan mana-mana subsidiari atau syarikat sekutunya.

"**Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC**" merangkumi dan tidak terhad kepada Perkhidmatan Perbankan Internet Mudah Alih OCBC yang memudahkan akses Pelanggan untuk "Perkhidmatan" yang ditakrifkan di bawah menggunakan Internet secara elektronik melalui penggunaan Peranti Akses.

"**ID Pengguna Internet OCBC**" atau "**ID Log Masuk**" bermaksud nama unik yang terdiri daripada rentetan aksara yang dipilih oleh Pelanggan yang perlu ditaip oleh Pelanggan untuk membolehkan sistem Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC mengaitkan ID Log Masuk dengan profil dan akaun Pengguna, yang diberikan kepada dan digunakan oleh Pelanggan untuk mengakses Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC.

"**Kata Laluan Internet OCBC**" atau "**Kata Laluan Log Masuk**" bermaksud rentetan aksara unik yang dipilih oleh Pelanggan yang perlu ditaip oleh Pelanggan untuk membolehkan sistem Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC mengesahkan ID Log Masuk Pelanggan dan memberikan Pelanggan akses kepada Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC.

"**Laman web OCBC**" dan "**Laman web mudah alih OCBC**" merujuk kepada laman web OCBC di mana Pelanggan boleh mengakses dan menggunakan Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC.

"**Kod Phonebank**" adalah kod yang diberikan kepada dan digunakan oleh Pelanggan untuk mengakses Perbankan Telefon OCBC.

"**PIN**" bermaksud nombor pengenalan peribadi Pelanggan yang digunakan bersama Kad atau Perkhidmatan berkaitan.

"**Orang Berkaitan**" bermaksud mana-mana bank, penyedia perkhidmatan, penyedia perkhidmatan internet, pihak berkuasa sijil digital, pihak berkuasa pensijilan, institusi kad, kewangan, telekomunikasi, komputer atau elektronik yang terlibat dalam Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC dari semasa ke semasa dan setiap orang yang menggunakan (sama ada dibenarkan atau tidak) Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC.

"**Kod Keselamatan**" bermaksud kata laluan sekali-guna yang dihasilkan oleh Sistem Komputer OCBC dan dihantar sama ada ke Token Keselamatan atau Telefon Bimbit melalui perkhidmatan pesanan ringkas ("SMS") atau menggunakan cara lain yang dianggap sesuai oleh OCBC mengikut budi bicara mutlak pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa.

"**Token Keselamatan**" bermaksud peranti perkakasan yang ditetapkan oleh OCBC yang akan digunakan untuk menerima Kod Keselamatan, dan Pelanggan dikehendaki menyimpannya dengan selamat pada setiap masa.

"**Perkhidmatan**" bermaksud dan termasuk transaksi dan perkhidmatan yang dinyatakan di dalam Klausula 6.1 Terma dan Syarat ini serta transaksi dan perkhidmatan tambahan lain yang mungkin disediakan oleh OCBC kepada Pelanggan dari semasa ke semasa melalui laman web OCBC dan/ atau laman web mudah alih OCBC dan merangkumi sebarang operasi yang berkaitan dengan transaksi dan perkhidmatan tersebut.

"**Terminal**" bermaksud sebarang mesin elektronik dan/atau kaunter yang membolehkan pemprosesan akses dan fungsi transaksi untuk Akaun Pelanggan yang dibuka dengan OCBC melalui Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC.

"**Pihak Ketiga**" bermaksud mana-mana orang atau pihak selain dari OCBC, yang disahkan oleh OCBC untuk menyediakan dan/atau memproses fungsi Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dari semasa ke semasa yang dianggap perlu.

"**Transaksi**" bermaksud dan termasuk transaksi yang disenaraikan di dalam Klausa 6.1 dalam Terma dan Syarat dan transaksi tambahan lain yang mungkin disediakan oleh OCBC kepada Pelanggan dari semasa ke semasa dan merangkumi sebarang operasi yang berkaitan dengan transaksi tersebut.

1B. Interpretasi

1B.1 Perkataan yang diguna sebagai nombor tunggal merangkumi nombor jamak dan sebaliknya dan perkataan yang merujuk kepada jantina lelaki turut merangkumi jantina perempuan dan neutral dan sebarang rujukan kepada satu jantina turut merujuk kepada jantina yang satu lagi.

1B.2 Perkataan yang merujuk kepada individu turut merangkumi firma atau perkongsian.

1. Permohonan untuk Melanggan Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC

1.1 OCBC boleh, mengikut budi bicara mutlakanya, menyediakan penggunaan Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC kepada Pelanggan yang dikaitkan dengan akaun OCBC Pelanggan.

1.2 Pelanggan boleh memohon kepada OCBC untuk melanggan penggunaan Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC tetapi OCBC berhak untuk menolak atau menerima permohonan tersebut dan tidak perlu memberikan sebarang penjelasan kepada pemohon yang tidak berjaya.

2. Terma dan Syarat Akaun

2.1 Selain daripada Terma dan Syarat ini, Terma dan Syarat Utama Akaun dan Perkhidmatan OCBC serta Syarat Akses untuk melayari laman web OCBC juga akan digunapakai dan mesti dipatuhi oleh Pelanggan kecuali dalam kes percanggahan di antara Terma dan Syarat tersebut dengan Terma dan Syarat ini di mana Terma dan Syarat ini akan berkuat kuasa dan digunapakai.

3. Penerimaan Terma dan Syarat

3.1 Pelanggan bersetuju bahawa pendaftaran Pelanggan untuk mengakses dan menggunakan Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC akan dianggap sebagai persetujuan dan penerimaan Terma dan Syarat ini oleh Pelanggan serta pengesahan dan penerimaan oleh Pelanggan mengenai sebarang risiko yang berkaitan dengan melakukan sebarang transaksi melalui internet.

4. Peralatan, Perisian dan Laluan ke Rangkaian

4.1 Pelanggan bertanggungjawab untuk mendapatkan dan menggunakan pelayar web dan/atau perisian dan/atau perkakasan dan/atau peralatan yang diperlukan untuk mengakses Internet dan Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC atas risiko dan perbelanjaan sendiri. Jika versi baru atau berbeza pelayar web dan/atau perisian lain dan/atau perkakasan dan/atau peralatan yang diperlukan untuk mengakses Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC sedia ada, OCBC berhak untuk tidak menyokong pelayar web atau perisian lain atau perkakasan atau peralatan versi sebelumnya. Jika Pelanggan gagal untuk menaik taraf perisian berkenaan dan/atau pelayar web atau untuk menggunakan perisian dan/atau pelayar web atau perkakasan atau peralatan terkini seperti yang dikehendaki oleh OCBC, OCBC mungkin menolak transaksi Pelanggan, atau salah memproses transaksi Pelanggan atau Pelanggan mungkin tidak boleh mengakses kesemua ciri dan/atau Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC, dan OCBC tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atasnya.

4.2 Pelanggan dikehendaki untuk menyelenggara perkakasan dan perisian komputer yang memenuhi

spesifikasi minimum yang ditetapkan oleh OCBC dari semasa ke semasa. Spesifikasi minimum yang dimaksudkan mungkin dipaparkan di laman web OCBC, ATM atau terminal elektronik yang lain atau dengan memaparkan notis di pejabat dan cawangan OCBC atau melalui paparan iklan di surat khabar utama di Malaysia atau kaedah lain yang dianggap sesuai oleh OCBC untuk memaklumkan kepada Pelanggan.

4.3 Pelanggan hanya boleh menggunakan dan mengakses Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC melalui Penyedia Perkhidmatan Internet (ISP) yang dilesenkan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, dan akses tersebut melalui ISP masing-masing adalah tertakluk dan dikawalselia oleh undang-undang dan peraturan-peraturan berkaitan di Malaysia dan terma dan syarat, jika ada, yang persetujui oleh Pelanggan dengan ISP.

4.4 Pelanggan akan bertanggungjawab ke atas penggunaan yang selamat dan terjamin Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC dengan maklumat yang terkini dan akan mematuhi nasihat keselamatan yang dipaparkan di laman web OCBC dan sebarang langkah keselamatan lain yang mungkin dimaklumkan oleh OCBC kepada Pelanggan dari semasa ke semasa menggunakan cara lain seperti SMS dan e-mel, mengenai risiko dan keselamatan atau langkah pencegahan yang berkaitan dengan penggunaan sebarang pelayar web, perisian, perkakasan atau peralatan untuk mengakses Internet, yang mungkin mengganggu atau menjejaskan penggunaan atau akses Pelanggan untuk menggunakan Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC.

4.5 Semua yuran dan kos yang berkaitan dengan akses yang disediakan oleh ISP dan semua yuran, caj, perbelanjaan dan kos yang dikeluarkan oleh Pelanggan berhubung dengan penggunaan Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC haruslah ditanggung secara eksklusif oleh Pelanggan dan OCBC tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas perkara tersebut, tanpa mengabaikan tindakan yang mungkin diambil oleh OCBC, termasuk penamatan Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC.

5. Mendapatkan Akses untuk Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC

5.1 Pelanggan boleh memohon untuk melanggan Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC melalui laman web OCBC (dan sebarang saluran permohonan lain yang disediakan oleh OCBC dari semasa ke semasa) di mana Pelanggan perlu melalui proses pendaftaran dengan memasukkan salah satu kod akses berikut yang berkaitan dengan produk keluaran OCBC: -

- (a) Nombor kad ATM dan PIN
- (b) Nombor Kad Kredit dan PIN
- (c) Nombor Kad Debit dan PIN
- (d) Nombor log masuk lain dan PIN yang diberikan oleh OCBC kepada Pelanggan dari semasa ke semasa

5.2 Selepas pendaftaran berjaya dan disahkan oleh OCBC, serta penerimaan perakuan Pelanggan yang telah membaca dan menerima Terma dan Syarat ini, Pelanggan akan diminta untuk mengikut langkah-langkah panduan yang dipaparkan di skrin untuk mencipta: -

- (a) ID Log Masuk Internet OCBC (ID Log Masuk); dan
- (b) Kata Laluan Log Masuk Internet OCBC (Kata Laluan Log Masuk)

5.3 Selepas mendapat pengesahan OCBC di skrin untuk ID Log Masuk dan Kata Laluan Log Masuk Pelanggan, OCBC akan meminta Pelanggan yang pertama kali log masuk untuk memilih salah satu cara untuk menerima Kod Keselamatan, sama anda melalui Token Keselamatan atau melalui Telefon Bimbit Pelanggan yang telah didaftarkan dengan OCBC.

5.4 Akses Pelanggan untuk Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC akan diaktifkan apabila Pelanggan memasukkan ID Log Masuk dan Kata Laluan Log Masuk yang betul. Ia adalah menjadi tanggung jawab Pelanggan:

- (a) untuk memohon Token Keselamatan atau penggantinya jika Token Keselamatan yang dikeluarkan sebelumnya telah hilang atau gagal berfungsi sebagaimana yang dimaksudkan; atau
- (b) mendaftarkan nombor Telefon Bimbit yang betul dengan OCBC jika pengguna memilih untuk menerima Kod Keselamatan melalui Telefon Bimbit dan memaklumkan OCBC dengan segera melalui notis kepada Pusat Perhubungan OCBC mengenai sebarang perubahan kepada nombor Telefon Bimbit dan sekiranya Telefon Bimbit telah atau disyaki hilang atau dicuri atau dilupuhkan atau tidak berfungsi atau dipintas.

5.5 Pendaftaran untuk melanggan Perbankan Mudah Alih OCBC akan dilaksanakan sebagaimana yang ditentukan oleh OCBC dari semasa ke semasa.

5.6 Seterusnya, untuk mengakses Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC, Pelanggan akan diminta untuk memasukkan ID Log Masuk dan Kata Laluan Log Masuk Pelanggan untuk setiap kali log masuk. Bagi tujuan keselamatan, OCBC atas budi bicara mutlaknyanya, boleh meminta Pelanggan untuk memasukkan Kod Keselamatan untuk melakukan transaksi terpilih. Pelanggan hanya dapat melakukan transaksi dan/atau menggunakan perkhidmatan yang terdapat di bawah Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC atau transaksi dan perkhidmatan lain yang disediakan oleh OCBC dari semasa ke semasa di bawah Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC jika ID Log Masuk dan Kata Laluan Log Masuk dan Kod Keselamatan adalah dan masih sah. OCBC atas budi bicara mutlaknyanya boleh membatalkan ID Log Masuk dan Kata Laluan Log Masuk dan Kod Keselamatan tanpa memberikan sebarang sebab dengan memberi notis awal dan tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami oleh atau dikenakan kepada Pelanggan akibat daripada pembatalan tersebut.

5.7 Setelah pendaftaran Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC dibuat dan diterima oleh OCBC, semua akaun OCBC Pelanggan akan dihubungkan kepada Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC secara automatik dan boleh diakses melalui Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC tanpa memerlukan Pelanggan untuk menentukan akaun tertentu.

5.8 Pemegang akaun bersama boleh memohon Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC dengan syarat:

- (a) Jika akaun bersama tersebut boleh dikendalikan secara perseorangan iaitu mana-mana satu pemegang akaun bersama secara bersendirian boleh mengeluarkan atau memindahkan wang dari akaun bersama, maka selepas diterima oleh OCBC untuk menggunakan Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC, setiap pemegang akaun bersama boleh menggunakan Perkhidmatan yang dinyatakan di dalam Klausula 6.1 di bawah;
- (b) Jika akaun bersama hanya boleh dikendalikan secara bersama iaitu 2 atau lebih pemegang akaun bersama perlu bersetuju sebelum sebarang wang boleh dikeluarkan atau dipindahkan dari akaun bersama, maka selepas diterima oleh OCBC untuk menggunakan Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC, pemegang akaun bersama hanya boleh mengakses dan melihat maklumat akaun bersama OCBC melalui Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC tetapi tidak boleh melakukan transaksi di bawah Perkhidmatan yang dinyatakan di dalam Klausula 6.1(a) hingga (c) di bawah;
- (c) dalam semua keadaan, setiap pemegang akaun bersama akan bertanggungjawab secara bersama dan berasingan kepada OCBC untuk sebarang transaksi dan perkhidmatan yang dilaksanakan atau dilakukan atau diproses melalui Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC berdasarkan Arahan daripada mana-mana pemegang akaun bersama.

5.9 Sekiranya akaun tersebut mempunyai dua atau lebih pemegang akaun, OCBC berhak untuk membenarkan penajaan ID Log Masuk dan Kata Laluan Log Masuk berasingan dan juga meminta permohonan untuk Token Keselamatan berasingan atau pendaftaran nombor Telefon Bimbit yang berasingan untuk penghantaran Kod Keselamatan kepada setiap pemegang akaun bersama yang telah melanggan untuk Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC, tertakluk kepada sekatan dalam Klausula 7.5 dan sekatan lain yang ditetapkan oleh OCBC dari semasa ke semasa.

6. Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC

6.1 Selepas Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC diaktifkan, Pelanggan boleh mengakses maklumat akaun OCBC beliau dan menghantar Arahan kepada OCBC untuk:

- (a) membayar kepada mana-mana organisasi pengebilan yang disediakan oleh OCBC dari semasa ke semasa
- (b) memindahkan dana; dan
- (c) memohon produk dan perkhidmatan tertentu OCBC yang disediakan oleh OCBC dari semasa ke semasa;

(secara kolektifnya dirujuk sebagai “**Perkhidmatan**” seperti ditakrifkan dalam Klausa 1A di atas) apabila dan di mana ia tersedia kepada Pelanggan. Perkhidmatan yang terdapat di laman web OCBC dan laman web mudah alih OCBC mungkin berbeza.

6.2 Semua Perkhidmatan (sama ada tersedia sekarang atau pada bila-bila masa, dari semasa ke semasa) adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat berikut dan:

- (a) terma dan syarat lain yang ditetapkan oleh OCBC, seperti Terma dan Syarat Utama Akaun dan Perkhidmatan, dan terma dan syarat spesifik yang lain untuk Transaksi dan Perkhidmatan berkenaan; dan
- (b) terma dan syarat pihak ketiga untuk Transaksi atau Perkhidmatan yang melibatkan pihak ketiga, seperti pembayaran bil dan pindahan dana yang juga diproses oleh sistem pembayaran yang dimiliki dan dikendalikan oleh pihak ketiga.

6.3 Tanpa mengabaikan Klausa 6.1, OCBC berhak atas budi bicara mutlaknya untuk menambah, mengalih, mengeluarkan, menamatkan, menggantung, menggantikan, meluaskan, menyekat atau mengubah jenis dan ciri mana-mana Perkhidmatan dan Transaksi pada bila-bila masa tanpa memberi sebarang notis, dan OCBC tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami oleh atau disebabkan oleh Pelanggan atau yang timbul dari atau berkaitan dengan atau disebabkan oleh penambahan, pengalihan, pengeluaran, penamatan, penggantungan, penggantian, peluasan, penyekatan atau perubahan tersebut.

6.4 Tertakluk kepada hak menolak selesai yang dirujuk di sini, OCBC tidak bertanggungjawab untuk melaksanakan atau melakukan atau memproses sebarang Arahan yang dihantar oleh Pelanggan sekiranya Pelanggan tidak mempunyai dana yang secukupnya dalam akaun Pelanggan semasa Arahan tersebut dihantar. Pelanggan harus memastikan terdapat dana yang mencukupi di dalam akaun Pelanggan tersebut dengan OCBC sebelum sesuatu Arahan itu diberikan. Hak menolak selesai OCBC boleh diguna pakai dan sebarang Arahan yang diberikan oleh Pelanggan boleh dilaksanakan atau dilakukan atau diproses melalui Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC seperti mana yang diputuskan oleh OCBC.

6.5 Seperti dinyatakan dalam Klausa 5.8 di atas, pemindahan dana atau pembayaran bil atau pembayaran lain tidak boleh dilakukan bagi sebarang akaun yang dimiliki oleh Pelanggan dengan OCBC jika akaun tersebut hanya boleh dikendalikan dengan dua atau lebih penandatanganan.

6.6 Apabila memulakan Arahan untuk membayar bil atau memindahkan dana, Pelanggan bertanggungjawab sepenuhnya untuk memasukkan nombor akaun penerima bayaran atau pindahan dana yang betul dengan organisasi pengebilan atau bank penerima yang betul. Bayaran bil dan pindahan dana akan disalurkan ke nombor akaun yang dimasukkan oleh Pelanggan. Sebarang maklumat lain yang dimasukkan oleh Pelanggan seperti nama pemegang akaun yang sepatutnya menerima bayaran atau dana, adalah untuk rujukan Pelanggan sahaja dan tidak akan digunakan untuk mengesahkan atau mengenalpasti identiti pemegang akaun yang menerima bayaran atau dana. Organisasi pengebilan atau bank penerima boleh menolak bayaran atau dana jika nombor akaun yang dimasukkan tidak dikenali atau tidak dapat ditemui, atau untuk sebarang sebab lain yang berada di luar

kawalan OCBC. OCBC tidak akan bertanggungjawab dalam apa jua cara ke atas sebarang kesilapan di dalam Arahan yang menyebabkan kelewatan atau ketiadaan bayaran untuk mana-mana bil atau kegagalan memindahkan sebarang dana, atau untuk sebarang ketidakterimaan atau penolakan oleh mana-mana organisasi pengebilan atau bank penerima, atau untuk sebarang kegagalan, kelewatan atau kesalahan oleh mana-mana organisasi pengebilan atau bank penerima semasa mengkreditkan akaun penerima, atau untuk sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami atau boleh dialami oleh mana-mana pihak.

6.7 OCBC berhak untuk menetapkan, mengubah atau membatalkan had bagi mana-mana transaksi, perkhidmatan, kemudahan dan produk yang boleh dilakukan melalui Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC pada bila-bila masa, baik dalam bentuk kewangan atau angka atau sebaliknya, dan untuk membezakan kekerapan dan tempoh kesediaan.

6.8 OCBC tidak berkewajipan untuk melaksanakan atau melakukan atau memproses sebarang Arahan yang dihantar oleh Pelanggan jika Pelanggan telah melebihi had harian yang ditetapkan oleh OCBC untuk sebarang transaksi. Had harian boleh disemak dari semasa ke semasa oleh OCBC mengikut budi bicara mutlakannya. OCBC tidak bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan ke atas sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami oleh atau terjadi kepada Pelanggan atau yang timbul daripada atau berkaitan dengan atau disebabkan oleh insiden tersebut.

6.9 Setiap Arahan yang diterima oleh OCBC selepas masa tamat yang ditetapkan pada mana-mana hari akan dimasukkan, ditunjukkan atau direkodkan dalam buku dan rekod OCBC pada atau untuk Hari Perniagaan berikutnya selepas tarikh Arahan tersebut.

7. Arahan

7.1 Kecuali dinyatakan sebaliknya dalam Terma dan Syarat ini, OCBC berhak untuk bergantung dan bertindak ke atas mana-mana Arahan yang diterima oleh OCBC dan OCBC tidak bertanggungjawab atas sebarang kerugian kepada Pelanggan apabila ia berbuat demikian. Apabila mana-mana Arahan Pelanggan berhubung transaksi perbankan dan/atau perkhidmatan sedang dilaksanakan atau dilakukan atau diproses melalui Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC, OCBC berhak untuk mendebit serta-merta akaun Pelanggan dan tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kehilangan dan/atau salah guna dan/atau salah urus dana yang bukan berpunca dari kecuaiannya nyata dan keingkaran sengaja OCBC. Pelanggan hendaklah memastikan bahawa semua Arahan yang dihantar oleh Pelanggan adalah lengkap, betul dan tepat. Pelanggan mengakui bahawa kecuaiannya telah menerima paparan pengesahan penerimaan Arahan Pelanggan dari OCBC, Arahan Pelanggan mungkin tidak diterima dan oleh kerana itu, ia tidak boleh dilakukan.

7.2 Tanpa mengabaikan penerimaan paparan pengesahan dari OCBC berdasarkan peruntukan Klausula 7.1 di atas dan tanpa prejudis kepada hak OCBC untuk bertindak atas Arahan Pelanggan sahaja, Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa Arahan tersebut bukanlah muktamad dan oleh itu tidak dapat dilakukan oleh OCBC dan bahawa OCBC mungkin, mengikut budi bicara mutlakannya, meminta pengesahan dan/atau maklumat lanjut sebelum melaksanakan Arahan tersebut walaupun tiada kewajipan atau tanggungjawab yang harus diakui oleh OCBC atas kegagalan untuk meminta pengesahan dan/atau maklumat lanjut.

7.3 Dalam melaksanakan mana-mana Arahan Pelanggan, Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa pelaksanaan yang sama boleh, antara lain, tertakluk kepada sistem semasa dan keperluan operasi OCBC dan/atau Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC dan sebarang keadaan lain, dan oleh sebab itu OCBC harus diberikan sejumlah masa yang wajar untuk bertindak ke atas dan melaksanakan atau melakukan atau memproses mana-mana Arahan dan OCBC tidak bertanggungjawab atas sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami oleh atau terjadi kepada Pelanggan atau yang timbul daripada atau berkaitan dengan atau disebabkan oleh kelewatan tersebut.

7.4 Apabila OCBC menerima Arahan yang tidak jelas dan tidak lengkap, atau Arahan yang tidak konsisten dengan Arahan lain, Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa OCBC berhak untuk bertindak atas Arahan tersebut berdasarkan tafsiran wajar Arahan tersebut oleh OCBC atau pegawai-pegawainya atau mempunyai hak untuk menolak daripada bertindak sehingga maklumat lanjut atau Arahan baru diberikan oleh Pelanggan. OCBC tidak akan bertanggungjawab dalam apa jua cara untuk

menjalankan dan melaksanakan, atau melakukan atau memproses suatu Arahan berdasarkan tafsiran wajar yang sama mahupun kerana menolak untuk melaksanakan Arahan tersebut.

7.5 Untuk akaun bersama, Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa setiap Arahan daripada salah seorang pemegang akaun bersama akan dianggap sebagai Arahan tulen dan lazim yang melibatkan akaun bersama tersebut dan OCBC berhak untuk bertindak atas dan melaksanakan atau melakukan atau memproses Arahan tersebut tanpa sebarang tanggungjawab kepada pemegang akaun bersama itu. Namun tanpa prejudis kepada perkara tersebut, jika OCBC menerima Arahan-arahan yang tidak konsisten atau bertentangan daripada seorang pemegang akaun bersama sebelum melaksanakan atau melakukan atau memproses Arahan dari salah seorang pemegang akaun bersama, OCBC berhak untuk menolak daripada bertindak ke atas mana-mana Arahan sehingga OCBC menerima mandat daripada semua pemegang akaun bersama untuk mengeluarkan arahan-arahan baru berhubung dengan akaun bersama tersebut. OCBC tidak akan bertanggungjawab dalam apa jua cara pun atas kegagalan untuk melaksanakan atau melakukan atau memproses mana-mana Arahan tersebut atau atas sebarang kerugian atau kerosakan yang timbul disebabkan oleh kegagalan pemegang akaun bersama untuk mengeluarkan Arahan-arahan baru yang berkaitan dengan akaun bersama tersebut.

7.6 Rekod OCBC berkaitan Arahan, transaksi, dan/atau perkhidmatan yang dilaksanakan atau dilakukan atau diproses melalui Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC dengan atau tanpa kebenaran Pelanggan dan mana-mana rekod transaksi berkaitan dengan operasi Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC dan mana-mana rekod transaksi yang disimpan oleh OCBC atau Orang Berkaitan yang diberi kuasa oleh OCBC atau mana-mana Orang Berkaitan yang berkenaan atau berhubung dengan Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC, di mana rekod tersebut boleh berbentuk, antara lain, log telefon, cetakan komputer, data komputer yang disimpan pada jalur magnetik, kartrij atau sebarang bentuk simpanan data yang lain, akan mengikat dan konklusif ke atas Pelanggan bagi semua tujuan dan harus dianggap sebagai bukti kukuh bagi setiap transaksi perbankan dan/atau perkhidmatan yang dilaksanakan atau dilakukan atau diproses melalui Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC dan kewajipan Pelanggan kepada OCBC.

7.7 Sesuatu Arahan yang berkaitan dengan akaun Pelanggan tidak dapat ditarik kembali dan mengikat ke atas Pelanggan selepas Arahan dihantar ke OCBC. Untuk mengelakkan keraguan, Pelanggan bersetuju bahawa mana-mana Arahan yang diterima oleh OCBC melalui penggunaan ID Log Masuk Pengguna, Kata Laluan Log Masuk, dan Kod Keselamatan (di mana berkenaan) sama ada ia dibenarkan atau tidak, harus dianggap bahawa ia adalah daripada Pelanggan. Namun, tanpa prejudis kepada perkara yang sama, Pelanggan berhak untuk membatalkan, menarik kembali, menterbalikkan atau mengubah mana-mana Arahan yang telah dihantar ke OCBC. OCBC boleh, dengan budi bicara mutlak, bertindak atas permintaan tersebut untuk membatalkan, menarik kembali, menterbalikkan atau mengubah mana-mana Arahan yang telah dihantar atau Arahan lain yang diterima sebelum yang sama dilaksanakan atau dilakukan atau diproses melalui Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC.

7.8 OCBC berhak, atas budi bicara mutlak, menolak untuk melaksanakan atau melakukan atau memproses atau menjalankan mana-mana Arahan Pelanggan di mana Arahan Pelanggan tidak konsisten dengan dasar-dasar OCBC atau peraturan atau undang-undang semasa atau atas sebarang sebab lain.

7.9 Tanpa mengabaikan sebarang perkara yang dinyatakan, Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa OCBC tidak akan bertanggungjawab atau berkewajipan untuk melaksanakan atau melakukan atau memproses sesuatu Arahan yang berkaitan dengan transaksi dan/atau perkhidmatan melalui Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC atau sebarang kegagalan untuk melaksanakan atau melakukan atau memproses sesuatu Arahan di mana:-

- (a) Arahan-arahan yang dihantar adalah tidak tepat atau tidak lengkap dalam apa jua cara;
- (b) Terdapat kesalahan di dalam Arahan yang dihantar sama ada disebabkan semasa penghantaran melalui Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC atau sebaliknya;
- (c) Akaun Pelanggan yang berkaitan dengan penghantaran Arahan itu tertakluk pada proses undang-undang atau disekat, digantung, ditutup atau dibekukan atas sebarang sebab;

- (d) OCBC menyedari atau mempunyai alasan untuk percaya bahawa penipuan atau beberapa perbuatan jenayah telah, sedang atau akan dilakukan; dan
- (e) Pelanggan gagal mengikuti setiap arahan, petunjuk, panduan atau prosedur yang berkaitan dengan penggunaan Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC atau sebahagian daripadanya.

7.10 Apabila akaun Pelanggan telah ditutup atas sebarang sebab, mana-mana Arahan yang berkaitan dengan akaun itu yang belum dilaksanakan atau dilakukan atau diproses akan dibatalkan pada hari akaun itu ditutup dan Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa OCBC tidak akan bertanggungjawab dalam apa jua cara pun di atas kegagalan untuk melaksanakan atau melakukan atau memproses Arahan berkaitan.

8. Ketersediaan Perkhidmatan

8.1 Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC bertujuan untuk tersedia selama 7 hari seminggu, 24 jam sehari. Bagaimanapun, Pelanggan mengakui bahawa pada masa yang tertentu, beberapa atau semua Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC mungkin tidak dapat diakses kerana penyelenggaraan sistem atau sebab lain yang di luar kawalan OCBC. Tidak mengabaikan perkara di atas, Pelanggan mengakui bahawa OCBC secara khusus tidak menjamin bahawa Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC akan tersedia pada setiap masa.

8.2 Sekiranya beberapa atau semua Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC tidak dapat diakses atas sebarang sebab, Pelanggan bersetuju untuk menggunakan cara-cara alternatif, termasuk tetapi tidak terhad kepada PhoneBank OCBC, ATM atau cawangan OCBC, untuk mengeluarkan Arahan berkenaan akaun Pelanggan.

8.3 OCBC mungkin, dari semasa ke semasa tanpa memberi notis awal menaik taraf, mengubahsuai, menggantung atau menukar sebahagian atau kesemua laman web OCBC dan tidak akan bertanggungjawab jika mana-mana naik taraf, pengubahsuaian, penggantungan atau perubahan kepada laman web OCBC tersebut menghalang Pelanggan daripada mengakses Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC atau mana-mana bahagian atau ciri-ciri tersebut.

9. Maklumat Akaun

9.1 Pelanggan mengakui bahawa setiap maklumat yang berkaitan dengan akaun Pelanggan seperti yang dilaporkan melalui Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC mungkin tidak sentiasa dikemaskini kerana mungkin ada Arahan dan/atau transaksi yang, tanpa menyekat sifat umum yang tersebut di atas, telah dikreditkan sementara sebagai pelaksanaan yang belum ditunaikan (yang mungkin diubah atau diterbalikkan oleh OCBC jika tidak dijelaskan), masih belum diproses oleh OCBC, memerlukan pengesahan OCBC atau masih dalam pelaksanaan. Pelanggan secara khusus bersetuju bahawa baki akaun yang dilaporkan melalui Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC ini tidak akan dianggap sebagai baki akhir akaun Pelanggan dengan OCBC untuk sebarang tujuan.

9.2 Pelanggan boleh menghasilkan cetakan transaksi dan/atau penyata dari Peranti Akses sendiri. Pelanggan mengakui bahawa sebarang cetakan oleh Pelanggan bukanlah cetakan penyata sah dari OCBC dan tidak akan mengikat ke atas OCBC.

9.3 Untuk akaun berasaskan-penyata, penyata akan diberikan sekali setiap bulan atau pada selang masa yang akan ditentukan oleh OCBC.

9.4 OCBC mungkin menghantar penyata akaun berasingan untuk setiap akaun atau menghantar penyata gabungan untuk semua akaun dan kombinasi jenis akaun di dalam penyata, tertakluk kepada sebarang perubahan.

9.5 Sebarang rekod transaksi akaun OCBC adalah muktamad dan konklusif serta mengikat ke atas Pelanggan bagi semua tujuan apabila tidak terdapat kesalahan yang nyata. Transaksi yang belum disahkan oleh OCBC tidak akan dipaparkan dalam penyata dan tidak boleh dianggap sebagai

kedudukan akaun yang muktamad

9.6 Pelanggan perlu mengesahkan semua transaksi di dalam sebarang penyata atau rekod yang dikeluarkan oleh OCBC dan memaklumkan kepada OCBC dengan cara yang dinyatakan dalam Klausula 22 di bawah mengenai sebarang kesilapan atau perbezaan di dalam penyata atau rekod dalam masa 14 hari (atau sebarang tempoh masa lain yang ditetapkan oleh OCBC) dari tarikh penyata atau rekod. Jika OCBC tidak menerima sebarang notis dalam tempoh masa yang ditetapkan, transaksi yang dipaparkan di dalam penyata dan rekod akan dianggap sebagai betul, mengikat, muktamad dan konklusif.

9.7 Semua notis mengenai kesilapan atau perbezaan yang diterima oleh OCBC akan disiasat selaras dengan Klausula 25 di bawah. Apabila siasatan selesai, OCBC boleh melakukan pelarasan dan pembedaan yang sewajarnya, jika ada. Sebarang wang kepunyaan Pelanggan atau sebaliknya akan dikreditkan atau didebitkan dari akaun berkenaan dan dipaparkan dalam penyata atau rekod untuk bulan seterusnya.

10. Pembayaran Bil

10.1 OCBC mungkin memberikan notis kepada Pelanggan pada bila-bila masa atau dari semasa ke semasa mengenai penambahan kepada, pengeluaran dari atau pemindaan dan pengubahan senarai organisasi pengebilan yang mana pembayaran bil dibuat, tanpa memberikan sebarang sebab. Pelanggan bersetuju bahawa OCBC tidak akan bertanggung jawab di atas sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Pelanggan akibat tindakan tersebut oleh OCBC.

10.2 Pelanggan mengakui dan bersetuju untuk mematuhi sebarang syarat yang berkaitan dengan prosedur untuk menyelesaikan bil-bil dengan organisasi pengebilan berkaitan. OCBC tidak akan bertanggung jawab dalam apa jua cara ke atas kegagalan Pelanggan untuk mematuhi syarat dan terma berkenaan sebagaimana ditetapkan oleh organisasi pengebilan berkaitan.

10.3 Pelanggan perlu memaklumkan kepada OCBC, dalam bentuk dan kaedah yang mungkin diarahkan oleh OCBC dari semasa ke semasa, mengenai setiap perubahan akaun Pelanggan dan sebarang maklumat sepertimana yang didaftarkan dengan organisasi pengebilan berkaitan sebelum mengeluarkan Arahan pembayaran kepada OCBC. Arahan pembayaran kepada organisasi pengebilan akan terus berkuat kuasa tanpa mengambilkira kematian atau kemufliisan Pelanggan atau penamatan perjanjian di antara Pelanggan dengan organisasi pengebilan atau benefisiari bayaran bil ("Penamatan Pembayaran") sehingga notis bertulis sebenar mengenai kematian atau kemufliisan Pelanggan atau Penamatan Pembayaran diterima oleh OCBC

10.4 OCBC mungkin, dari semasa ke semasa menyediakan perkhidmatan untuk membolehkan Pelanggan melaksanakan Arahan kepada OCBC untuk membuat pembayaran bil secara online melalui laman web yang dikendalikan oleh pihak ketiga yang menawarkan perkhidmatan pembayaran bil untuk organisasi pengebilan yang terpilih. Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa dalam apa jua keadaan, Pelanggan tidak boleh menganggap OCBC adalah sebahagian daripada perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak ketiga di dalam laman web mereka. Oleh itu, OCBC tidak bertanggungjawab dalam apa jua cara ke atas sebarang produk, perkhidmatan, perisian dan/atau kandungan yang diperoleh, dan/atau dibeli daripada atau diberi oleh pihak/pihak-pihak ketiga tersebut atau bertanggungjawab ke atas sebarang kegagalan untuk menghantar produk, perkhidmatan, kandungan dan/atau perisian tersebut, pertanyaan pelanggan, bantuan teknikal, perkhidmatan penyelenggaraan dan/atau sebarang kewajipan atau perkhidmatan lain yang berkaitan dengan atau berkenaan kepada produk, perkhidmatan, perisian dan/atau kandungan tersebut, yang akan menjadi tanggungjawab tunggal pihak ketiga yang berkenaan. Pelanggan seterusnya mengakui bahawa akses, penggunaan dan/atau pembelian produk, perkhidmatan, perisian dan/atau kandungan tersebut dengan pihak ketiga mungkin boleh tertakluk kepada terma dan syarat tambahan yang ditentukan oleh pihak ketiga yang tertentu, dan oleh itu bersetuju untuk mematuhi dan mengamati semua terma dan syarat tersebut dan di mana diperlukan oleh pihak ketiga, untuk melaksanakan sebarang dokumen yang mengandungi terma dan syarat tersebut.

10.5 Tanpa prejudis kepada kandungan di atas, Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa ia adalah tanggungjawab Pelanggan untuk mengesahkan kesahihan butiran transaksi pembayaran bil dalam penyata organisasi pengebilan berkaitan yang dikeluarkan kepada Pelanggan

10.6 Sekiranya Pelanggan mempertikaikan sebarang perbezaan, ketinggalan atau kesilapan yang ditemui di dalam penyata yang dikeluarkan oleh organisasi pengebilan, Pelanggan harus menyelesaikan pertikaian secara langsung dengan organisasi pengebilan yang berkaitan. Pelanggan tidak boleh, dalam apa jua keadaan, atau timbulnya sebarang pertikaian tersebut, menahan pembayaran yang perlu dibayar dan terhutang kepada OCBC, sebarang jumlah yang telah didebitkan dari akaun Pelanggan untuk pembayaran bil yang dibuat kepada organisasi pengebilan dan amaun yang didebitkan akan dianggap sebagai telah ditanggung oleh Pelanggan. Pelanggan seterusnya mengakui dan bersetuju bahawa OCBC tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerosakan atau kerugian yang dialami akibat sebarang tindakan, ketinggalan, kecacatan atau kekurangan di dalam transaksi pembayaran bil.

11. Pemindahan Dana

11.1 Pemindahan dana dari akaun spesifik Pelanggan yang dibuka dengan OCBC kepada mana-mana akaun termasuk akaun pihak ketiga dengan OCBC atau sebarang bank lain yang dinyatakan oleh Pelanggan adalah tertakluk kepada had dan syarat yang mungkin ditetapkan atau ditentukan oleh OCBC atau oleh pihak berkuasa yang berkaitan, dari semasa ke semasa mengikut budi bicara mutlak.

11.2 Pelanggan juga boleh, untuk tujuan keselamatan, menentukan had maksimum untuk sebarang pemindahan dana kepada OCBC secara bertulis atau dalam bentuk yang ditentukan oleh OCBC dari semasa ke semasa.

12. Kerahsiaan & Tanggungjawab Ke Atas ID Log Masuk, Kata Laluan Log Masuk, Kod Keselamatan, Token Keselamatan dan Telefon Bimbit

12.1 Pelanggan tidak boleh mendedahkan ID Log Masuk dan/atau Kata Laluan Log Masuk dan/atau Kod Keselamatan milik Pelanggan kepada sesiapa (termasuk mana-mana kakitangan OCBC) atau membenarkan Token Keselamatan atau Telefon Bimbit dimiliki atau dikawal oleh orang lain.

12.2 ID Log Masuk, Kata Laluan Log Masuk, dan apabila berkenaan, Token Keselamatan, hanya boleh digunakan oleh Pelanggan yang telah berjaya menjana ID Log Masuk dan Kata Laluan Log Masuk melalui proses pendaftaran Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC dan telah mendapat atau menerima Token Keselamatan daripada OCBC atau telah mendaftarkan Telefon Bimbit beliau dengan OCBC untuk menerima Kod Keselamatan.

12.3 Pelanggan dikehendaki memaklumkan OCBC dengan segera sebaik saja menerima sebarang data dan/atau maklumat melalui Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC yang tidak ditujukan kepada Pelanggan. Pelanggan juga bersetuju bahawa semua data dan/atau maklumat tersebut akan dipadamkan serta-merta dari Peranti Akses Pelanggan.

12.4 Pelanggan harus mengambil semua langkah yang wajar untuk mengelakkan pendedahan atau penggunaan ID Log Masuk, Kata Laluan Log Masuk, Kod Keselamatan dan Token Keselamatan/Telefon Bimbit yang tidak sah. OCBC tidak akan bertanggungjawab atau diwajibkan untuk menanggung sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Pelanggan sekiranya orang lain mendapat maklumat pemilikan ID Log Masuk, Kata Laluan Log Masuk, Kod Keselamatan dan Token Keselamatan/Telefon Bimbit dan menggunakannya untuk mengeluarkan Arahan untuk transaksi dan/atau perkhidmatan yang mana ia telah dilaksanakan atau dilakukan atau diproses melalui Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC atau sebarang cara lain untuk mendapatkan bayaran atas wang kepunyaan Pelanggan melalui penggunaan kata ID Log Masuk, Kata Laluan Log Masuk, Kod Keselamatan dan Token Keselamatan/Telefon Bimbit tersebut.

12.5 Tanpa mengabaikan perkara yang bertentangan yang terkandung di sini, sekiranya Pelanggan menyedari atau mempunyai sebarang sebab untuk mempercayai bahawa ID Log Masuk, Kata Laluan Log Masuk, Kod Keselamatan atau Token Keselamatan/Telefon Bimbit telah disalahgunakan dan/atau terjejas oleh pendedahan, penemuan atau kecurian oleh pihak lain, Pelanggan dikehendaki memaklumkan kepada OCBC dengan segera dengan cara yang dinyatakan dalam Klausa 22 di bawah.

12.6 Pelanggan bertanggungjawab ke atas kerugian atau kerosakan yang timbul daripada mana-mana

Arahan yang berkaitan dengan transaksi dan/atau perkhidmatan yang telah dilaksanakan atau dilakukan atau diproses melalui Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC kecuali Pelanggan telah memenuhi syarat berikut:

- (a) beliau tidak bertindak secara penipuan; dan
- (b) beliau tidak mendedahkan ID Log Masuk, Kata Laluan Log Masuk dan Kod Keselamatan beliau kepada mana-mana orang lain atau melalui e-mel yang tidak diminta atau di mana-mana laman web selain daripada laman web rasmi OCBC; dan
- (c) beliau telah mengambil semua langkah yang wajar untuk memastikan Token Keselamatan atau Telefon Bimbit, yang mana berkenaan, selamat pada setiap masa; dan
- (d) beliau memaklumkan kepada OCBC dengan segera mengikut cara yang dinyatakan dalam Klausula 22 di bawah sebaik sahaja Pelanggan menyedari atau mempunyai sebarang sebab untuk mempercayai bahawa ID Log Masuk, Kata Laluan Log Masuk, Kod Keselamatan atau Token Keselamatan/Telefon Bimbit Pelanggan telah disalahgunakan dan/atau terjejas; dan
- (e) beliau telah memberi kepada OCBC semua maklumat yang diminta oleh OCBC dan memberi kerjasama sepenuhnya kepada OCBC termasuk bekerjasama dengan pihak berkuasa yang berkaitan; dan
- (f) beliau telah mematuhi semua prosedur, keperluan, sekatan, arahan atau sebarang syarat tambahan daripada OCBC mengenai akses dan penggunaan Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC.

Dengan menunaikan kewajipan untuk perkara di atas, Pelanggan akan mematuhi nasihat keselamatan dan sebarang langkah keselamatan lain yang dirujuk dalam Klausula 4.4 di atas yang mungkin dimaklumkan oleh OCBC kepada Pelanggan dari semasa ke semasa, dan kegagalan Pelanggan untuk berbuat demikian akan menyebabkan Pelanggan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian dan kerosakan.

12.7 Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa OCBC boleh, atas budi bicara mutlak, menggantung akses Pelanggan untuk Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC sehingga ID Log Masuk, Kata Laluan Log Masuk dan Token Keselamatan baharu telah dipilih dan/atau dikeluarkan oleh OCBC atau nombor Telefon Bimbit baharu telah didaftarkan dengan OCBC atau sehingga tempoh masa yang ditetapkan oleh OCBC mengikut budi bicara mutlak.

13. Pendedahan

13.1 Tertakluk kepada Arahan yang dinyatakan oleh Pelanggan (jika ada) yang menyekat sebarang pendedahan, data peribadi, butiran akaun dan hubungan Pelanggan dengan OCBC ("**Maklumat**") akan didedahkan kepada orang atau perbadanan yang mana OCBC dikehendaki atau dibenarkan oleh undang-undang untuk mendedahkan, atau diluluskan secara bertulis oleh Bank Negara Malaysia untuk mendedahkan atau pada masa sekarang atau akan datang dibenarkan secara bertulis oleh Pelanggan untuk didedahkan.

13.2 Tanpa dihadkan oleh Klausula 13.1, Pelanggan menyatakan kebenaran untuk mendedahkan Maklumat kepada pihak-pihak dan untuk tujuan yang dinyatakan di dalam jadual di bawah:

	Pihak-pihak yang mana Maklumat boleh didedahkan kepadanya	Tujuan/Keadaan untuk pendedahan Maklumat
(a)	Penyedia perkhidmatan atau pemproses data OCBC, di dalam dan luar Malaysia;	Untuk prestasi perkhidmatan OCBC
(b)	Syarikat berkaitan dan syarikat bersekutu OCBC, di dalam dan luar Malaysia, penerima serah hak dan penggantinya;	Untuk jualan silang, memperbaiki perkhidmatan dan penyelidikan pasaran
(c)	Pihak berkuasa kawalselia/badan penguatkuasaan undang-undang di dalam	Untuk pematuhan undang-undang dan kawalselia

	dan luar Malaysia termasuk yang selaras dengan Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing, Amerika Syarikat	
(d)	Pihak ketiga yang bertujuan untuk menyelesaikan keberhutangan Pelanggan;	Untuk melunaskan keberhutangan Pelanggan
(e)	Cagamas Berhad, Credit Guarantee Corporation (Malaysia) Berhad dan lain-lain agensi kerajaan yang ditubuhkan untuk mendapatkan pinjaman atau bertindak sebagai penjamin untuk pinjaman;	Untuk jualan atau saranan jualan pinjaman atau untuk mendapatkan jaminan untuk pinjaman
(f)	Orang Berkaitan dan Pihak Ketiga dengan atau melaluinya sebarang Transaksi telah dimeterai atau Perkhidmatan disediakan;	Untuk pematuhan prosedur yang dikenakan atau untuk penyelesaian atau rundingan mengenai sebarang tuntutan atau pertikaian atau untuk mengendalikan pertanyaan yang timbul daripada atau berkaitan dengan mana-mana Transaksi atau perkhidmatan
(g)	Peguam, pakar mengenai penipuan, teknologi maklumat dan lain-lain profesional/perunding/pakar yang menyediakan perkhidmatan profesional atau kepakaran kepada OCBC yang berkaitan dengan sebarang perkara undang-undang atau perkara lain yang memerlukan pengetahuan atau nasihat profesional atau pakar;	Untuk nasihat profesional dan rundingan daripada profesional yang dilantik oleh OCBC
(h)	Agen, wasi, pentadbir atau wakil sah undang-undang yang diberi kuasa oleh Pelanggan; dan	Untuk menguruskan hal ehwal Pelanggan
(i)	Pemegang serah hak atau pengambilalih OCBC, bakal pemegang serah hak atau pengambilalih dan pengganti.	Untuk penyusunan semula termasuk pelupusan keseluruhan atau sebahagian daripada perniagaan OCBC.

13.3 Pelanggan memberi kuasa muktamad kepada dan membenarkan OCBC untuk melakukan semakan kredit dan mengesahkan maklumat yang diberikan oleh Pelanggan kepada OCBC, dengan mana-mana pihak (termasuk dan tidak terhad kepada mana-mana biro kredit, organisasi atau syarikat yang ditubuhkan khas untuk mengumpul dan menyediakan maklumat kredit atau maklumat lain).

13.4 Pelanggan memberikan kebenaran kepada agensi-agensi laporan kredit yang berkaitan (seperti ditakrifkan di bawah Akta Agensi Laporan Kredit, 2010) ("ALK") yang mana OCBC melakukan semakan kredit untuk mendedahkan maklumat/laporan kredit Pelanggan kepada OCBC untuk tujuan memohon penggunaan Perkhidmatan Internet OCBC atau sebarang produk dan perkhidmatan OCBC serta untuk pengurusan dan semakan risiko. OCBC dengan ini diberi kuasa tetapi tidak bertanggungjawab untuk menyampaikan kebenaran dari Pelanggan dan tujuan pendedahan tersebut kepada agensi laporan kredit yang terlibat.

13.5 Pelanggan, jika ia adalah syarikat atau badan berkanun atau entiti tidak diperbadankan, mewajarkan dan menggambarkan kepada OCBC bahawa (i) ia telah mendapatkan persetujuan dari para pengarah, pengurus yang berkaitan, pegawai, pemegang jawatan, rakan kongsi dan pemegang saham untuk mendedahkan data peribadi mereka kepada OCBC berhubung dengan permohonan untuk Perkhidmatan Internet OCBC atau mana-mana produk dan perkhidmatan OCBC; (ii) memaklumkan mereka bahawa OCBC berkemungkinan akan mengumpul atau mengesahkan data peribadi mereka dengan pihak ketiga seperti agensi laporan kredit, Suruhanjaya Syarikat atau Jabatan Insolvensi dan telah mendapatkan kebenaran mereka untuk ALK berkenaan untuk mendedahkan laporan/maklumat kredit kepada OCBC dengan tujuan permohonan Perkhidmatan Internet OCBC atau mana-mana produk dan perkhidmatan lain serta untuk pengurusan dan semakan risiko; (iii) bahawa OCBC berkemungkinan akan mendedahkan data peribadi kepada kumpulan pihak ketiga seperti yang dinyatakan dalam Dasar Privasi OCBC; (iv) bahawa Pelanggan telah memaklumkan kepada mereka untuk membaca Dasar Privasi OCBC yang dipaparkan dalam laman web OCBC.

13.6 Pelanggan tersebut, jika individu, mengakui telah baca Dasar Privasi OCBC yang dipaparkan di laman web OCBC yang memaklumkan kepada beliau bahawa (i) OCBC mungkin akan mengumpul data peribadi daripadanya atau daripada pihak ketiga; (ii) tujuan bagi pengumpulan data peribadinya; (iii) haknya untuk mengakses dan membetulkan data peribadinya; (iv) kumpulan pihak ketiga yang mana OCBC mungkin akan mendedahkan data peribadinya; (v) pilihan dan cara untuk menghadkan pemprosesan data peribadinya; (vi) sama ada permintaan data peribadi wajib atau secara sukarela, dan jika wajib, akibat apabila tidak menyediakan data tersebut; (vii) bahawa beliau boleh mengemaskini data peribadinya jika terdapat perubahan; dan (viii) maklumat perhubungan OCBC jika beliau mempunyai sebarang persoalan atau memberi maklum balas.

13.7 Sungguhpun OCBC akan menggunakan usaha terbaik memastikan bahawa semua maklumat yang dihantar menggunakan Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC adalah selamat dan tidak boleh diakses oleh pihak ketiga yang tidak berkenaan, OCBC tidak menjamin keselamatan mana-mana maklumat yang dihantar oleh Pelanggan menggunakan Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC. Oleh itu, Pelanggan perlu menerima risiko bahawa mana-mana maklumat yang dihantar atau diterima menggunakan Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC mungkin akan diakses oleh pihak ketiga yang tidak berkenaan dan tidak akan meminta OCBC bertanggungjawab ke atas akses tersebut atau sebarang kerugian dan kerosakan yang ditanggung akibat daripadanya.

13.8 Pelanggan bersetuju bahawa kecuali untuk pendedahan yang disebabkan oleh penipuan atau kecuaihan pihak OCBC atau mana-mana pegawai atau kakitangannya, OCBC dan mana-mana pegawai serta kakitangannya tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Pelanggan yang disebabkan oleh tindakan mereka mendedahkan, memberitahu atau memaklumkan sebarang maklumat Pelanggan atau akaun Pelanggan dengan OCBC oleh OCBC dan/atau mana-mana pegawai atau kakitangannya dan mereka akan dianggap telah diberi kuasa untuk melakukan pendedahan tersebut.

14. Liabiliti & Indemniti

14.1 OCBC tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan untuk sebarang kerugian, kerosakan atau keaiban yang ditanggung atau dialami oleh Pelanggan berhubung dengan atau mengenai sebarang Arahan, berkenaan dengan transaksi dan/atau perkhidmatan yang dilaksanakan atau dilakukan atau diproses melalui Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC yang disebabkan oleh apa jua punca termasuk tetapi tidak terhad kepada ketidakpatuhan Pelanggan terhadap Arahan Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC dan ketidakbolehan OCBC untuk memberi perkhidmatan akibat kepincangan separa atau kegagalan sepenuhnya sistem pemprosesan data, sistem keselamatan, tele-transmisi komputer atau sistem telekomunikasi atau keadaan yang di luar kawalan OCBC atau mana-mana institusi kewangan bank atau sesiapa atau sebarang organisasi yang terlibat di dalam sistem-sistem yang tersebut di atas.

14.2 OCBC akan mengambil semua langkah yang sewajarnya untuk memastikan bahawa Token Keselamatan yang diberikan kepada Pelanggan akan berfungsi untuk memberi akses kepada Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC seperti dan bila diperlukan. Pelanggan mesti memaklumkan OCBC dengan segera menggunakan cara yang dinyatakan dalam Klausula 22 di bawah jika Pelanggan kehilangan Token Keselamatan mereka atau jika Token Keselamatan gagal berfungsi dengan betul dan OCBC hanya berkewajipan untuk mengganti Token Keselamatan tersebut kepada yang baharu. Apabila OCBC perlu mengganti Token Keselamatan tersebut akibat kehilangan, kerosakan (kecuali jika Token Keselamatan tersebut rosak semasa ketibaan) atau penggantian bateri (jika Token Keselamatan telah dikeluarkan selama lebih daripada satu tahun), OCBC akan mengenakan caj penggantian yang mungkin dipaparkan di laman web OCBC, ATM atau terminal-terminal elektronik atau notis yang diletak di pejabat-pejabat dan cawangan-cawangan OCBC atau dengan memaparkan iklan-iklan di surat khabar utama di Malaysia atau sebarang cara lain yang dianggap sesuai oleh OCBC untuk memaklumkan kepada Pelanggan oleh OCBC, di mana Pelanggan dengan ini membenarkan OCBC untuk mendebit akaun Pelanggan. Selain daripada yang dinyatakan di sini, OCBC tidak akan mempunyai sebarang liabiliti lain berkaitan dengan Token Keselamatan termasuk dan tanpa had, liabiliti terhadap peningkaran sebarang terma yang tersirat, tujuan kebolehdagangan atau kesesuaian Token Keselamatan. Selain itu, OCBC tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kehilangan atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang disebabkan oleh kegagalan Pelanggan untuk menjaga dan/atau menggunakan Token

Keselamatan selaras dengan arahan dan saranan OCBC.

14.3 OCBC berhak atas budi bicara mutlakny pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa tanpa memberi sebarang notis untuk membatalkan penggunaan, atau memerlukan penggantian atau pengubahsuaian Token Keselamatan atau Telefon Bimbit atau sebarang peranti yang ditetapkan oleh OCBC yang digunakan untuk menjana atau menerima Kod Keselamatan tanpa memberi sebarang sebab dan OCBC tidak boleh dipertanggungjawabkan kepada Pelanggan untuk sebarang kerugian atau kerosakan yang disebabkan olehnya.

14.4 Tanpa prejudis kepada maklumat umum dalam Klausu 14.1, OCBC tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan ke atas sebarang kerugian, kerosakan atau keaiban yang dialami oleh Pelanggan yang disebabkan oleh atau timbul daripada, tetapi tidak terhad kepada:

- (a) Pelanggan tidak mempunyai dana yang mencukupi di dalam akaun berkenaan untuk membuat sebarang pembayaran atau pemindahan.
- (b) Ketidakmampuan Pelanggan untuk melakukan sebarang transaksi kerana had yang ditetapkan oleh OCBC dari semasa ke semasa atau disebabkan oleh Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC atau mana-mana bahagian daripadanya tidak tersedia atau berfungsi.
- (c) Sebarang kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh peralatan, penyedia pelayar Internet atau oleh Penyedia Perkhidmatan Internet atau agen-agen atau sub-kontraktor mereka.
- (d) Sebarang gangguan atau serangan oleh virus, *Trojan Horse*, cecacing, bot dan/atau lain-lain komponen makro atau berbahaya pada pelayar web dan/atau Peranti Akses Pelanggan atau OCBC atau Sistem Komputer Penyedia Perkhidmatan Internet.
- (e) Sebarang kerosakan atau kepincangan fungsi mana-mana peralatan, sistem atau perisian digunakan yang berkaitan dengan Perbankan Internet, sama ada kepunyaan OCBC atau tidak termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang terminal, server atau sistem, peranti telekomunikasi, sambungan, bekalan elektrik, bekalan kuasa, telekomunikasi atau rangkaian atau sistem komunikasi yang lain atau mana-mana bahagian sistem pindahan dana elektronik, termasuk dan tanpa had, sebarang gangguan, pemintasan, penggantungan, kelewatan atau kegagalan untuk menjana Kod Keselamatan menggunakan Token Keselamatan/Telefon Bimbit kecuali kegagalan atau kepincangan fungsi tersebut adalah disebabkan oleh kecuaiannya OCBC.
- (f) Kekurangan maklumat atau kegagalan Pelanggan untuk memberi maklumat yang jelas dan lengkap untuk melaksanakan atau melakukan atau memproses Arahan berkenaan pembayaran atau pemindahan atau transaksi dan/atau perkhidmatan.
- (g) Sebarang pemusnahan atau pemindaan Arahan Pelanggan atau sebarang arahan, data atau maklumat yang dihantar oleh Pelanggan, yang bukan disebabkan oleh kecuaiannya OCBC.
- (h) Sebarang penghantaran Arahan Pelanggan yang tidak tulen, tidak tepat, tidak lengkap, luput tarikh dan salah yang bukan disebabkan oleh kecuaiannya OCBC.
- (i) Sebarang kegagalan oleh Pelanggan untuk mematuhi Terma dan Syarat ini, dan arahan, prosedur dan perintah yang terbaru atau semasa mengenai penggunaan Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC dan/atau sebarang penolakan oleh OCBC untuk bertindak akibat kegagalan tersebut.
- (j) Peranti Akses Pelanggan atau perkakasan atau Telefon Bimbit tidak berfungsi secara optimum atau rosak.
- (k) Pelanggan tidak memberi maklumat yang lengkap dan tepat pada waktu yang berkaitan dengan atau mengenai Arahan yang berkaitan kepada transaksi dan/atau perkhidmatan

yang dilaksanakan atau dilakukan atau diproses melalui Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC.

- (l) Sebarang kelewatan, kegagalan, ketinggalan, gangguan dengan atau halangan, kekacauan atau kekangan kepada perniagaan atau operasi yang disebabkan oleh tetapi tidak terhad kepada *force majeure*, bencana alam, perang, pertelingkahan seumpama perang, rusuhan, sekatan, mogok, embargo atau kegagalan mesin atau peralatan (termasuk tetapi tidak terhad kepada Token Keselamatan/Telefon Bimbit) atau penggantungan operasi Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC termasuk dan tidak terhad kepada penjana Kod Keselamatan) dan keadaan yang di luar kawalan OCBC.

14.5 Jika ID Log Masuk dan/atau Kata Laluan Log Masuk dan/atau Kod Keselamatan dan/atau Token Keselamatan/Telefon Bimbit Pelanggan terdedah akibat sebarang perkakasan yang tidak diiktiraf atau dipasang atau dimuatnaik, dan/atau program-program perisian yang dimuatnaik atau dipasang kepada/dalam Peranti Akses yang digunakan untuk mengakses Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC, maka OCBC tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan ke atas sebarang kerugian, kerosakan, keaiban yang dialami atau ditanggung (sama ada secara langsung atau tidak langsung) oleh Pelanggan. Ia juga bukan tanggungjawab OCBC untuk membuktikan bahawa sebarang Arahan, transaksi dan/atau perkhidmatan yang tidak diiktiraf atau yang lain adalah disebabkan oleh pencerobohan keselamatan yang dinyatakan di atas.

14.6 OCBC tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kerosakan, kerugian atau perbelanjaan, atau atas sebarang kewajipan untuk membayar atau membayar kembali faedah kepada Pelanggan untuk pengkreditan wang yang tidak berjaya melalui penggunaan Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC.

14.7 Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa beberapa kandungan, perisian, produk dan perkhidmatan yang tersedia daripada, yang boleh diakses melalui atau disediakan sebagai sebahagian daripada, tambahan kepada atau bersempena dengan Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC adalah atau mungkin disediakan oleh penyedia perkhidmatan pihak ketiga atau melalui penggunaan dan/atau kandungan perisian pihak ketiga dan OCBC tidak boleh, dalam apa jua keadaan, dianggap sebagai pihak kepada transaksi di antara Pelanggan dan penyedia perkhidmatan pihak ketiga tersebut atau produk, perkhidmatan, perisian, dan/atau kandungan pihak ketiga sebegitu disediakan oleh mana-mana ahli kumpulan OCBC. Oleh itu, tidak ada ahli kumpulan OCBC yang boleh dipertanggungjawabkan di dalam apa jua cara ke atas sebarang produk, perkhidmatan, perisian dan/atau kandungan yang diperolehi, dan/atau dibeli daripada atau diberi oleh pihak ketiga tersebut atau bertanggungjawab ke atas sebarang kegagalan untuk menghantar produk, perkhidmatan, kandungan dan/atau perisian tersebut, pertanyaan pelanggan, bantuan teknikal, perkhidmatan penyelenggaraan dan/atau sebarang kewajipan atau perkhidmatan berkaitan dengan atau berkenaan kepada produk, perkhidmatan, perisian dan/atau kandungan tersebut, yang akan menjadi tanggungjawab sepenuhnya pihak ketiga yang berkenaan. Pelanggan seterusnya mengakui bahawa akses, penggunaan dan/atau pembelian produk, perkhidmatan, perisian dan/atau kandungan tersebut mungkin tertakluk kepada terma dan syarat tambahan yang ditentukan oleh pihak ketiga berkenaan, dan dengan ini bersetuju untuk mematuhi dan mengamati semua terma dan syarat tersebut dan jika diperlukan oleh pihak ketiga tersebut untuk menguatkuasakan sebarang dokumen yang mengandungi terma dan syarat tersebut.

14.8 Pelanggan memahami bahawa laman web untuk mengakses Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC mungkin mengandungi pautan ke laman web yang dikawal atau disediakan oleh pihak ketiga. OCBC dengan ini menafikan sebarang tanggungjawab ke atas mana-mana maklumat, bahan-bahan, produk-produk atau perkhidmatan yang terpapar atau ditawarkan di laman web pihak ketiga ini. OCBC tidak menyokong atau mengesyorkan sebarang produk atau perkhidmatan yang ditawarkan atau maklumat yang terkandung di laman web tersebut atau maklumat yang diberi oleh pihak ketiga tersebut (termasuk tetapi tidak terhad kepada harga saham dan nilai pertukaran asing) malah OCBC juga tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas sebarang kegagalan produk atau perkhidmatan yang ditawarkan atau diiklan di mana-mana laman web pihak ketiga ini.

14.9 Pelanggan juga mengakui bahawa, disebabkan oleh undang-undang di beberapa negara, Pelanggan mungkin tidak boleh mengakses atau menggunakan, atau mungkin dihalang oleh OCBC daripada mengakses atau menggunakan Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC di negara-negara tersebut seperti yang ditetapkan oleh OCBC dari semasa ke semasa dan Pelanggan tidak akan meminta OCBC untuk bertanggungjawab ke atas ketidakmampuan untuk mengakses atau menggunakan

Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC tersebut.

14.10 Tertakluk kepada peruntukan yang terkandung di sini, keseluruhan dan satu-satunya tanggungjawab OCBC terhadap Pelanggan di dalam kontrak, tort (termasuk kecuaiian atau pelanggaran tugas berkanun) atau yang sebaliknya timbul selaras dengan Terma dan Syarat ini tidak akan melebihi jumlah transaksi yang menyebabkan wujudnya tuntutan atau ganti rugi yang dialami secara langsung, tertakluk kepada yang mana lebih rendah.

15. Hak Pemilikan

15.1 Pelanggan **mengakui** dan bersetuju bahawa semua hak harta intelektual dalam dan pada Sistem Komputer OCBC dan Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC termasuk dan tidak terhad kepada laman web OCBC dan laman web mudah alih OCBC, dan semua kandungan dan pengemaskinian daripadanya dimiliki secara eksklusif oleh OCBC dan/atau syarikat induknya, Oversea Chinese Banking Corporation Limited dari Singapura atau vendor pihak ketiga yang berkenaan, sekutu atau pihak ketiga yang lain, di mana berkenaan.

16. Tiada Jaminan

16.1 Maklumat dan material yang terkandung dalam laman web OCBC dan/atau laman web mudah alih OCBC dan/atau laman web lain yang boleh dicapai melalui Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC, termasuk teks, grafik, pautan, ekstrak dari pautan atau item lain – disediakan “Sebagaimana adanya”, “Sebagai Tersedia”. OCBC tidak menjamin ketepatan, kecukupan, atau kelengkapan maklumat dan material ini dan menolak sebarang tanggungjawab ke atas kesalahan atau ketinggalan di dalam maklumat dan material berkenaan. Tidak ada sebarang jaminan, nyata atau tersirat, atau berkanun, termasuk tetapi tidak terhad kepada jaminan tiada pelanggaran hak pihak ketiga, judul, kebolehdagangan, kesesuaian untuk tujuan tertentu dan bebas dari virus komputer, diberikan berkaitan dengan maklumat dan bahan tersebut.

17. Yuran dan Caj

17.1 Sebarang cukai barangan dan perkhidmatan atau levi yang dikenakan sekarang atau di masa hadapan oleh undang-undang atau perlu dibayar berhubung sebarang wang yang perlu dibayar kepada atau diterima oleh OCBC atau mana-mana kos yang ditanggung oleh OCBC, (kecuali yang telah dilarang oleh undang-undang) akan ditanggung dan dibayar oleh Pelanggan dan OCBC berhak untuk mendebit amaun yang sama dari akaun Pelanggan.

17.2 OCBC berhak untuk memungut atau mengenakan caj perkhidmatan (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, untuk mengenakan bayaran atas penyediaan Token Keselamatan dan/atau penggantian Token Keselamatan dan/atau penghantaran Kod Keselamatan melalui SMS) dan membuat variasi kepada yang sama dari semasa ke semasa berhubung dengan perkhidmatan yang diberikan kepada Pelanggan dengan memberi notis awal tiga puluh (30) hari yang menyatakan butiran caj yang dikenakan kepada Pelanggan secara bertulis atau dengan cara yang dianggap sesuai oleh OCBC. Jika Pelanggan tidak bersetuju dengan caj atau bayaran yang dikenakan dan mana-mana variasi daripadanya, Pelanggan hendaklah menamatkan Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC selaras dengan Klausula 20.3 yang terkandung di sini atau menghentikan penggunaan transaksi perbankan tertentu dan/atau perkhidmatan yang dikenakan yuran, caj atau variasi berkenaan. Penggunaan Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC seterusnya oleh Pelanggan dan pengeluaran Arahan berhubung dengan atau transaksi perbankan tertentu dan/atau perkhidmatan yang dikenakan yuran, caj atau variasi berkaitan akan dianggap sebagai perjanjian dan penerimaan mengenainya oleh Pelanggan.

18. Penggunaan Antarabangsa

18.1 Pelanggan dikehendaki mematuhi pada setiap masa, semua Peraturan Pentadbiran Tukaran Asing Malaysia (Notis mengenai Peraturan Pentadbiran Tukaran Malaysia yang diterbitkan selaras dengan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan semua peraturan yang berkaitan dengannya) dan/atau peraturan

kawalselia tukaran yang beroperasi di negara di mana Transaksi dilaksanakan atau diminta melalui satu Arahan, dan Pelanggan bertanggungjawab ke atas sebarang pelanggaran peraturan tersebut, termasuk sebarang pindaan, pelanjutan, enakmen-semula atau penggabungan kepadanya.

18.2 Jumlah maksimum transaksi dan tujuan ia dilaksanakan mungkin akan ditentukan oleh Bank Negara Malaysia dan undang-undang dan peraturan negara di mana transaksi tersebut dilaksanakan atau diminta.

18.3 Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa Pelanggan menggunakan Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC atas risiko dan inisiatif sendiri dan Pelanggan bertanggungjawab untuk mematuhi semua undang-undang yang berkenaan.

19. Variasi kepada Terma dan Syarat

19.1 OCBC berhak, dari semasa ke semasa atas budi bicara mutlak, menambah, mengubah, menukar, mengubahsuai semua atau sebaliknya menukar semua atau salah satu daripada Terma dan Syarat ini dengan memberikan notis awal tidak kurang daripada 21 hari kepada Pelanggan di mana perubahan tersebut, pada pendapat OCBC, boleh memberi kesan ketara ke atas hak dan tanggungjawab Pelanggan. Perubahan tersebut, tertakluk pada Klausula 19.4, akan mengikat ke atas Pelanggan pada akhir tempoh 21 hari.

19.2 Semua tambahan, variasi, pengubahsuaian atau perubahan selain dari yang dinyatakan dalam Klausula 19.1 di atas akan mengikat ke atas Pelanggan dan dianggap telah dibawa kepada perhatian Pelanggan melalui (i) notis di laman web OCBC; atau (ii) notis di ATM atau terminal elektronik lain; atau (iii) notis di pejabat OCBC dan cawangannya; atau (iv) notis di iklan di surat khabar utama di Malaysia atau (v) mana-mana cara lain yang dianggap sesuai oleh OCBC. Tanpa mengabaikan sebarang perkara yang bertentangan di sini, di mana notis telah diberikan berdasarkan (i), (ii), (iii) atau (iv) di atas, pemberitahuan bertulis seterusnya mengenai hal yang sama akan disediakan oleh OCBC kepada Pelanggan.

19.3 Tanpa mengabaikan Klausula 19.1 dan 19.2 di atas, di mana setiap variasi, pengubahsuaian atau perubahan kepada Terma dan Syarat ini hanya melibatkan kaitannya dengan pembetulan untuk mana-mana kesalahan ejaan dan tata bahasa atau pada pendapat mutlak OCBC, diharuskan oleh suatu keperluan yang mendesak untuk memulihkan atau memelihara keselamatan Perkhidmatan Perbankan Internet, sistem komputer OCBC, akaun Pelanggan atau mana-mana transaksi, tidak ada notis awal yang akan diberikan kepada Pelanggan untuk memaklumkan mengenai variasi, pengubahsuaian atau perubahan kepada Terma dan Syarat tersebut.

19.4 Jika Pelanggan tidak menerima penambahan, variasi atau pengubahsuaian kepada Terma dan Syarat ini, Pelanggan hendaklah menghentikan penggunaan Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC. Pelanggan bersetuju untuk membaca dan memahami Terma dan Syarat ini secara kerap, dan tertakluk kepada pemberian notis kepada pelanggan berdasarkan peruntukan yang terkandung di sini, akses dan/atau penggunaan berterusan Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC selepas penambahan, variasi atau pengubahsuaian telah dikuatkuasakan, akan membentuk persetujuan sukarela Pelanggan mengenai penambahan, variasi atau pengubahsuaian tersebut. Untuk permohonan Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC yang dibuat dari akaun bersama, setiap pemegang akaun akan terikat secara bersama dan berasingan oleh sebarang penambahan atau perubahan tersebut.

20. Penggantungan atau Penamatan Perkhidmatan

20.1 OCBC boleh pada bila-bila masa dengan memberikan notis awal untuk menggantung atau menghentikan operasi atau semua atau sebahagian daripada Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC tanpa perlu bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Pelanggan atau yang timbul daripada atau berkaitan atau disebabkan oleh tindakan penggantungan atau sekatan atau penamatan.

20.2 OCBC boleh menggantung atau menamatkan secara automatik hak Pelanggan untuk mengakses Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC jika Pelanggan tidak mengekalkan akaun dengan OCBC yang

boleh diakses melalui Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC atau jika akses Pelanggan kepada akaun tersebut telah disekat oleh OCBC atau pihak lain atas sebarang sebab.

20.3 Pelanggan boleh menamatkan Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC dengan memberikan notis bertulis kepada OCBC. Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC akan dibatalkan dalam masa 7 Hari Perniagaan dari tarikh penerimaan notis penamatan oleh OCBC dan Pelanggan dengan ini bersetuju untuk tidak menggunakan Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC untuk mengeluarkan Arahan selepas tarikh penerimaan notis penamatan daripada Pelanggan. Oleh itu, OCBC tidak akan bertanggungjawab ke atas penggunaan berterusan Perkhidmatan Perbankan Internet selanjutnya oleh Pelanggan dan untuk Arahan yang berkaitan dengan transaksi dan/atau perkhidmatan yang dilaksanakan atau dilakukan atau diproses melalui Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC setelah tarikh penerimaan notis penamatan daripada Pelanggan.

20.4 Pelanggan juga mengakui dan bersetuju bahawa di mana akses Pelanggan untuk Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC ditamatkan atas sebarang sebab, OCBC tidak akan bertanggungjawab terhadap kegagalannya untuk bertindak ke atas dan melaksanakan atau melakukan atau memproses mana-mana Arahan yang diterima sebelum penamatan tersebut dan kekal tidak dilaksanakan atau dilakukan atau diproses semasa penamatan tersebut oleh OCBC atau sebaliknya semasa penerimaan notis penamatan daripada Pelanggan.

20.5 Pelanggan mengakui bahawa penamatan tidak akan menjejaskan liabiliti atau kewajipan Pelanggan berhubung Arahan yang dilaksanakan atau dilakukan atau diproses melalui Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC atas nama Pelanggan.

21. Penyerahan kepada Bidang Kuasa

21.1 Terma dan Syarat yang mentadbir Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC ini dikawalselia oleh dan dibentuk selaras dengan undang-undang Malaysia dan Mahkamah Malaysia di Kuala Lumpur akan mempunyai bidang kuasa bukan-eksklusif mengenai sebarang tindakan undang-undang atau proses undang-undang yang timbul daripada atau berkaitan dengan Terma dan Syarat ini ("**Prosiding**").

22. Notis

22.1 Notis daripada OCBC. Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa semua notis dan komunikasi lain yang dikeluarkan selaras dengan Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC hendaklah dikeluarkan dengan cara yang dinyatakan di dalam Terma dan Syarat ini dan jika tidak ada cara khusus yang dinyatakan, boleh diberikan oleh OCBC melalui salah satu cara berikut: -

- (a) dengan penyiaran notis di laman web OCBC;
- (b) dengan penyiaran notis di ATM atau terminal elektronik lain;
- (c) dengan memaparkannya di pejabat dan cawangan OCBC;
- (d) dengan mengiklankan sekali sahaja di dalam mana-mana surat khabar nasional di Malaysia;
- (e) dengan mana-mana cara yang dianggap sesuai oleh OCBC,

dan notis itu dianggap sah sebaik sahaja notis itu dipaparkan.

22.2 Notis segera daripada Pelanggan untuk melaporkan kehilangan atau penjejasan ID Log Masuk, Kata Laluan Log Masuk Kod Keselamatan atau Tolen Keselamatan/Telefon Bimbit Pelanggan, atau untuk melaporkan mengenai sebarang kesusilaan atau perbezaan di dalam mana-mana penyata atau rekod boleh dibuat melalui:

- (a) menelefon Pusat Perhubungan OCBC di nombor telefon yang diterbitkan di laman web OCBC dari semasa ke semasa; atau

- (b) mengakses ikon "Hubungi Kami" di laman web OCBC; atau
- (c) menghantar notis bertulis kepada, atau hadir sendiri untuk membuat laporan, di mana-mana cawangan OCBC; atau
- (d) sebarang cara lain yang akan dimaklumkan oleh OCBC dari semasa ke semasa.

22.3 Semua notis daripada Pelanggan kepada OCBC mengenai Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC dan Terma dan Syarat ini hendaklah dibuat secara bertulis, ditandatangani oleh Pelanggan dan dihantar kepada OCBC di alamat yang tertera di bawah atau melalui sebarang cara yang akan dimaklumkan oleh OCBC dari semasa ke semasa:-

eBusiness Department,
Aras 15, OCBC Bank (Malaysia) Berhad,
Menara OCBC, 18 Jalan Tun Perak,
50050 Kuala Lumpur.

23. Pelepasan tuntutan

23.1 Pelanggan bersetuju bahawa kegagalan OCBC, secara berterusan atau sebaliknya, untuk melaksanakan sebarang hak, kuasa, hak istimewa, penyelesaian atau peruntukan dalam Terma dan Syarat ini atau kegagalan atau kelewatan oleh Bank OCBC untuk mematuhi mana-mana klausa, tidak boleh dianggap sebagai pelepasan hak, kuasa, hak istimewa, penyelesaian atau peruntukan dalam Terma dan Syarat ini oleh OCBC.

24. Keberasingan

24.1 Jika mana-mana satu Terma dan Syarat ini menjadi tidak sah, menyalahi undang-undang, atau tidak dapat dilaksanakan selaras dengan undang-undang, maka kesahihan, kesahan dan pelaksanaan dari peruntukan lain tidak akan terjejas atau terganggu dalam apa jua cara.

25. Pertikaian dan Pertanyaan

25.1 Notis mengenai sebarang pertikaian dan pertanyaan hendaklah diserahkan mengikut cara yang dinyatakan dalam Klausa 22 di atas.

25.2 Pelanggan yang mempunyai sebarang pertikaian perlu menyerahkan beberapa butiran yang diperlukan termasuk tetapi tidak terhad kepada nama Pelanggan, akaun yang terlibat, tarikh transaksi yang dipertikaikan, amaun transaksi yang dipertikaikan dan sebab mengapa Pelanggan berpendapat ia adalah transaksi yang dipertikaikan. Jika pertikaian adalah berkaitan dengan atau melibatkan sebarang perbuatan penipuan atau jenayah, atau didakwa/disyaki adalah perbuatan penipuan atau jenayah, Pelanggan dikehendaki melampirkan laporan polis yang dibuat kepada OCBC.

25.3 Semua pertikaian akan disiasat oleh OCBC dan jika didapati ia adalah palsu, ia akan ditolak. Jika bayaran telah dibuat ke atas pertikaian tersebut, bayaran tersebut mestilah dikembalikan kepada OCBC dan semua perbelanjaan yang ditanggung semasa siasatan dilakukan dan untuk mendapatkan kembali bayaran, akan ditanggung oleh pelapor pertikaian palsu tersebut. Selain itu, laporan polis juga akan dibuat terhadap semua pertikaian palsu.